

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2003/2004

September/Oktober 2003

HGM 342 – Geografi Pertanian

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Pertanian pindah didapati masih diamalkan sehingga kini dan masih menjadi satu aktiviti yang mempunyai peranannya yang tersendiri. Bincangkan.

[25 markah]

2. Merujuk kepada Jadual 1, jawab soalan-soalan berikut:-

- [i] Kira dan nyatakan kombinasi tanaman yang paling sesuai dijalankan dengan menggunakan kaedah chi gandadua.

[20 markah]

- [ii] Jelaskan kenapa lebih praktikal dijalankan cara penanaman satu jenis sahaja.

[5 markah]

...2/-

Jadual 1. Bidang usaha, keluasan tanaman, dan harian-kerja yang diperlukan untuk pengeluaran tanaman bagi tempoh satu musim.

Bidangusaha	Keluasan (hektar)	harian-kerja yang diperlukan	Peratusan
Dusun	10	120	15
Padi	4	160	20
Sayuran	2	180	22
Bunga	3	200	25
Limau madu	5	150	18
Jumlah	24	810	100.0

3. Bincangkan pelbagai faktor yang mempengaruhi petani dalam membuat pemilihan teknologi untuk tanaman atau ternakan.

[25 markah]

4. Bincangkan potensi pertanian presisi (precision farming) dan revolusi pengurusan ladang yang boleh memberikan nafas baru kepada pertanian di Malaysia.

[25 markah]

5. Bincangkan implikasi peralihan dasar pembangunan pertanian negara yang bermula sejak zaman penjajahan British sehingga Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3).

[25 markah]

6. Bincangkan bagaimana sektor perindustrian akan terus menjadi teras pertumbuhan ekonomi negara, dan bagaimana ia boleh mencergaskan sektor pertanian untuk berkembang sama.

[25 markah]

7. Bincangkan aspek-aspek penting dalam pengelasan tanah ke arah penggunaan sumber tanah yang efektif.

[25 markah]